

BENTUK-BENTUK KESALAHAN BACAAN AL-QURAN PELAJAR DI SEBUAH IPTA

Surul Shahbuddin Bin Hassan [1], Muhammad Azhar Bin Zailaini [2]

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the various types of tajweed errors made by readers during Quran recitation, which errors are the most common mistakes, and which are the infrequent ones. This study was carried out on a number of students from a Malaysian government higher education institution. Error analysis was carried out on recordings of the respondents' recitation using a comprehensive set of instruments to identify the type and category of errors committed. As a result, a total of six elementary errors have been found. It is hoped that this study will pave the way for a more effective method of teaching Quranic Recitation which continues to focus on the practical aspects of tajweed knowledge.

Keywords: *Error analysis, tajweed al-Quran, tajweed teaching and learning*

[1] International Islamic University Malaysia
surur@iium.edu.my

[2] University of Malaya,
Malaysia
azhar@um.edu.my

INTRODUCTION

Al-Jazari (2001) menyatakan, sandaran utama bagi bacaan yang betul ialah apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. kepada para sahabat r.a. sebagaimana baginda memperolehinya daripada Jibril a.s. Bacaan ini kemudiannya diwarisi turun temurun melalui usaha pelopor-pelopor bacaan yang dikenali sebagai qurra' kepada generasi selepasnya sehingga sekarang. Para qurra' dalam memelihara kesahihan Ilmu ini telah mewariskan dua perkara utama. Pertama, teori Ilmu Tajwid dan Qiraat yang diabadikan dalam kitab-kitab mereka. Kedua, murid-murid yang mewarisi bacaan yang mereka perolehi dari guru-guru mereka yang berkesinambungan hingga kepada Rasulullah s.a.w.

Al-Jazari (2001) meriwayatkan sebuah athar yang masyhur dari para Qurra', bahawa Saidina Ali r.a. pernah ditanya tentang apakah maksud bacaan al-Quran secara Tartil (bagi maksud firman Allah Ta'ala), maka beliau menjawab:

لترتيل هُوَ تَحْوِيدُ الْحُرُوفَ وَمَعْرِفَةُ الْوُقُوفِ
“Mengelokkan sebutan setiap huruf dan berhenti pada tempat yang betul”

Dalam kontek penguasaan pembacaan al-Quran di Malaysia, akhbar Utusan Malaysia (10 Jan 1995) ada memetik ucapan Zainal Abidin Ahmad (exco kerajaan negeri Selangor) dalam Majlis Musabaqah Tilawah al-Quran peringkat negeri Selangor yang menjelaskan kelemahan penguasaan bacaan al-Quran: "Hampir 60% pelajar Islam kini tidak boleh membaca al-Quran".

Hal ini menunjukkan masalah lemah membaca al-Quran juga sering diperkatakan oleh guru-guru dan pengkaji-pengkaji dalam bidang pendidikan Islam. Saidi Mohd (2007) menyatakan bahawa masalah kelemahan pelajar dalam bacaan al-Quran memang sudah lama menjadi isu dalam bidang pendidikan Islam; ia berlarutan sehingga kini dan masih belum selesai. Walaupun belum ada kajian yang menyeluruh di semua peringkat, tetapi pengkaji mendapati perkara ini bukan sahaja menjadi suatu permasalahan di peringkat persekolahan tetapi berlanjut hingga ke peringkat pengajian tinggi dan masyarakat awam.

Menurut Zainatunakmar Abdul Manap (2012), kelemahan murid sekolah rendah bermula dengan tidak mengenal huruf *hijaiyyah*, huruf bersambung serta tidak tahu membaca kalimah yang pelbagai baris. Kemahiran membaca dengan bertajwid amat berkurangan dalam kalangan murid sekolah rendah. Ia berpunca dari kurangnya murid yang dapat menguasai pembacaan al-Quran dengan baik dan lancar dari awal lagi. Akibatnya, pembelajaran al-Quran akan mengalami kesukaran kerana pelbagai kelemahan pelajar dalam pembacaan al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan meneroka apakah kesalahan-kesalahan dalam pembacaan al-Quran yang sering dilakukan pelajar dengan mengenal pasti bentuk-bentuk kesalahannya. Bentuk-bentuk kesalahan tajwid yang dilakukan pembaca al-Quran akan disenaraikan sebagai hasil kajian ini. Melalui ciri-ciri bacaan yang betul ini, diharapkan suatu piawaian bacaan akan diketengahkan untuk menjadi panduan semua.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu tinjaun menerusi pemerhatian ujian lisan berdasarkan suatu instrumen senarai semak berpandukan teori-teori ilmu Tajwid Ahmad Khalid Shukri et al. (2008). Teori-teori tajwid Ahmad Khalid Shukri et al. (2008) ada terkandung dalam buku *Al-Munir* yang ditulis bersama 8 pakar ilmu Tajwid negara Jordan yang lain. Hukum-hukum bacaan al-Quran dalam buku ini telah disusun supaya seseorang itu dapat mengikuti peringkat-peringkat pembelajaran al-Quran dari atas hingga kepada *talaqqi* bersanad. Ahmad Khalid Shukri et al. (2008) menyatakan bacaan al-Quran yang betul itu ialah bacaan yang menunaikan sebutan sebenar bagi sesuatu huruf yang dibaca seperti: menyebut sesuatu huruf dengan *makhraj* yang betul, menunaikan ciri-cirinya (*sifat*) dengan betul, menebalkan atau menipiskannya (*tarqiq wa tafkhim*), memanjangkannya (*mad*) atau memendekkannya, mendengungkannya (*ghunnah*) atau menyatakannya (*izhar*) dan lain-lain hukum seperti yang telah disepakati para *qurra*.

Satu set ayat bacaan yang sama telah dipilih untuk dibaca oleh murid dengan purata bacaan lapan ke sepuluh minit setiap seorang. Ayat-ayat yang dipilih telah dipastikan dapat meliputi semua hukum-hukum bacaan bertajwid yang sepadan dengan senarai semak. Seterusnya, rakaman video bacaan al-Quran oleh seramai dua puluh orang pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah dibuat di studio rakaman pihak institusi. Pelajar-pelajar yang dipilih bagi persampelan pula adalah pelajar lelaki dan perempuan tempatan dan antarabangsa bagi mendapatkan contoh-contoh bacaan al-Quran umat Islam yang lebih menyeluruh. Pengkaji telah menyimpan rakaman video ini untuk dianalisis bagi mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan pelajar. Pelajar IPTA dipilih kerana peringkat umur yang bersesuaian untuk dijadikan perbandingan tahap pembacaan al-Quran bagi semua lapisan.

Penulis telah menyemak satu persatu kesalahan yang dibuat melalui rakaman video bacaan pelajar-pelajar tersebut. Penulis telah mengambil purata masa satu jam untuk menyemak rakaman bacaan yang bersaiz purata lapan ke sepuluh minit itu. Rakaman video terpaksa diulang beberapa kali bagi mencatit segala bentuk kesalahan yang dapat dikesan.

Data yang telah diperolehi kemudiannya disemak semula dan didapati instrumen yang digunakan terpaksa diubah suai bagi membolehkan jenis-jenis kesalahan yang tidak terdapat dalam instrumen dapat dikategorikan dengan lebih sistematis. Setelah segala usaha digembeling, pengkaji kemudiannya telah memproses data tersebut menerusi perisian Microsoft Excel 2003. Pengkaji telah mendapati beberapa kesalahan yang terlalu sedikit hingga tidak mencapai kadar satu peratus dan memutuskan supaya kategori-kategori ini diabaikan sahaja dari proses analisis.

DAPATAN KAJIAN

Melalui data yang telah dianalisis, kesalahan-salahan tajwid dalam pembacaan al-Quran pelajar telah dapat dikesan. Bentuk-bentuk kesalahan telah disusun mengikuti kekerapan kesalahan paling tinggi (sering dilakukan) kepada paling rendah (jarang dilakukan) seperti berikut:

Bentuk-bentuk Kesalahan pada sebutan Makhraj dan Sifat

Kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan pada sebutan makhraj dan sifat, yang ditemui hasil analisis senarai semak adalah 29% kesalahan dari keseluruhan bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan pelajar.

Jadual 1

Kekerapan dan Peratusan Bagi Bentuk-bentuk Kesalahan Pada Sebutan Makhraj dan Sifat

Bentuk-bentuk Kesalahan	Kekerapan	%
Kesalahan sebutan ء خ ح غ	55	11%
Kesalahan sebutan ج ش ي / ض	49	10%
Kesalahan sebutan ص ز س	5	1%
Kesalahan sebutan ت د ط	99	20%
Kesalahan sebutan ث ذ ظ	22	5%
Kesalahan sebutan ل ر ن	6	1%
Kesalahan sifat Hams atau Jahr	48	10%
Kesalahan sifat Syiddah, tawassut, Rakhawah	17	4%
Kesalahan sifat Itbaq atau Infitah	21	4%
Kesalahan sifat Qalqolah	105	22%
Kesalahan sifat Sofir	3	1%
Kesalahan sifat Istitolah	25	5%
Kesalahan sifat Inhiraf	4	1%
Kesalahan sifat Lin	18	4%
Kesalahan sifat Ghunnah	4	1%
Kesalahan sifat Khafa'	3	1%
Jumlah kesalahan makhraj dan sifat yang dilakukan 20 pelajar	484	

Melalui Jadual 1, kesalahan yang paling kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan makhraj dan sifat. Kesalahan sebutan makhraj dan sifat yang sering dilakukan pelajar adalah pada huruf-huruf yang tiada

padanan sebutan yang sama dalam Bahasa Melayu seperti: . ث ذ ظ غ خ د ض . Antara contoh bentuk-bentuk kesalahan makhraj dan sifat yang ditemui ialah:

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
وَمِنْ الظُّلُمُ	Kesalahan kerana lidah tidak dikeluarkan semasa menyebut huruf . ظ .
إِذْ نَادَى	Kesalahan pada huruf ة kerana lidah tidak dikeluarkan dan salah pada huruf ة kerana lidah tidak ditekan ke pangkal gigi.
فِي تَصْبِيرٍ	Ada 2 kesalahan pada huruf ض iaitu: salah kerana tidak menunaikan sifat Istitolah dan salah kerana tidak menunaikan sifat Syiddah.
وَقَبْ	Salah kerana tidak menunaikan Qalqolah Kubra semasa waqaf pada huruf ق bersabdu.

Bentuk-bentuk Kesalahan pada sebutan Dengung dan Tak Dengung (Ghunnat)

Kesalahan sebutan dengung dan tak dengung (*ghunnat*) adalah kategori kesalahan kedua kerap dalam analisa bentuk-bentuk kesalahan bacaan, iaitu 23% secara keseluruhan berbanding kesalahan-kesalahan yang lain.

Jadual 2

Bentuk-bentuk Kesalahan Pada Sebutan Dengung dan Tak Dengung (Ghunnat)

Bentuk-bentuk Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Tidak mengikhfa'kan Nun pada Ikhfa' Haqiqi	73	19%
Tidak mendengungkan Nun bersabdu dengan 2 harakat	51	13%
Tidak mendengungkan Ikhfa' Haqiqi dengan 2 harakat	45	12%
Tidak tetap dalam menunaikan hukum-hukum dengung	33	9%
Tidak mendengungkan Mim bersabdu dengan 2 harakat	32	8%
Menipiskan dengung ketika Nun bertemu huruf Isti'la'	32	8%
Mendengungkan yang tidak dengung	25	7%
Tidak mengikhfa'kan Mim pada Ikhfa' Syafawi	22	6%
Tidak mendengungkan Idgham ma'al Ghunnah dengan 2 harakat	17	4%
Tidak mendengungkan Ikhfa' Syafawi dengan 2 harakat	12	3%
Tidak menggabungkan suara pada Idgham ma'al Ghunnah	10	3%
Menebalkan dengung ketika Nun bertemu huruf Istifal	9	2%
Tidak mengikhfa'kan Mim pada Iqlab (Ikhfa' Majazi)	7	2%
Tidak mendengungkan Iqlab dengan 2 harakat	6	2%
Mendengungkan lebih dari 2 harakat	3	1%
Tidak menggabungkan suara pada Idgham bi la Ghunnah	2	1%
Jumlah kesalahan ghunnat (dengung/tidak dengung) yang dilakukan 20 pelajar	379	

Melalui Jadual 2, kesalahan yang kedua kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan *ghunnat* (dengung/tidak dengung). Kesalahan sebutan *ghunnat* yang sering dilakukan pelajar adalah pada hukum-hukum yang sepatutnya didengungkan. Ini kerana biasanya pembaca tidak akan mendengungkan sesuatu bacaan walaupun tanpa mengetahui hukum *Izhar* yang tidak perlu didengungkan. Oleh itu, sebutan hukum dengung itulah yang perlu dipelajari bagi menghindar kesalahan *ghunnat* (dengung/tidak dengung) dalam bacaan. Antara contoh kesalahan dengung dan tidak mendengungkan yang ditemui ialah:

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
فَلَمَّا جَاءَ	Kesalahan kerana tidak mendengungkan 'n dan ' bersabdu yang mesti didengungkan dengan kadar 2 harakat.
إِنْ كُثُرَ	Kesalahan kerana tidak mengikhfa'kan 2 nun 'nsukun yang mesti diikhfa'kan dan ditipiskan dengungnya dengan kadar 2 harakat.
أَشْرَكَهُمْ بِاللهِ	Kesalahan kerana tidak mengikhfa'kan 'nsukun yang mesti diikhfa'kan dengan merengangkan sedikit bibir.
كَمْ تَعْجَلُ	Kesalahan kerana mendengungkan 'nsukun yang sepatutnya tidak didengungkan, dimana hukumnya ialah <i>Izhar Syafawi</i> .

Bentuk-bentuk kesalahan pada sebutan Tebal dan Tipis (*Tarqiq / Tafkhim*)

Kategori kesalahan sebutan ketiga adalah sebutan tebal dan tipis (*tafkhim/ tarqiq*) yang mewakili 23% berbanding kesalahan-kesalahan yang lain. Walaupun kesalahan ini menyamai peratus kesalahan kategori *ghunnat* tetapi kategori tebal dan tipis (*tafkhim/ tarqiq*) diletakkan pada kategori ketiga kerana jumlah bentuk-bentuk kesalahan yang sedikit berbanding *ghunnat* (dengung/tidak dengung) sebelum ini.

Jadual 3

Bentuk-bentuk Kesalahan Pada Sebutan Tebal dan Tipis (*Tafkhim/ tarqiq*)

Bentuk-bentuk Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Menebalkan huruf istifal	228	60%
Menipiskan huruf Isti'la'	45	12%
Menebalkan sebutan Ro tipis	21	6%
Menipiskan sebutan Ro tebal	83	22%
Menipiskan Lam Jalalah tebal	2	1%
Jumlah kesalahan tebal/tipis yang dilakukan 20 pelajar	379	

Melalui Jadual 3, kesalahan yang ketiga kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan sebutan tebal dan tipis (*tafkhim/ tarqiq*). Sebutan tebal (*tafkhim*) bermaksud mengembangkan sesuatu sebutan dan tipis (*tarqiq*) pula ialah mendatarkan sebutan. Sebutan *tafkhim/ tarqiq* perlu diambil secara talaqqi dan musyafahah bagi mendapat sebutan yang tepat. Antara contoh kesalahan tebal dan tipis yang ditemui ialah:

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
وَالْفَلَقُ	Kesalahan kerana menebalkan sebutan و yang sepatutnya tipis. Ini berlaku kerana terpengaruh dengan sebutan و dan و yang tebal.
مَا أَعْنَىٰ	Kesalahan kerana menipiskan sebutan أ yang sepatutnya tebal.
وَلَرَبِّكَ	Kesalahan kerana menipiskan sebutan أ yang sepatutnya tebal.
وَمِنْ مَثْرَ	Kesalahan kerana menebalkan sebutan أ yang sepatutnya tipis.

Bentuk-bentuk Kesalahan pada bacaan Panjang dan Pendek (Mad)

Kesalahan-kesalahan bacaan pada sebutan panjang dan pendek (*mad*) mewakili 14% secara keseluruhan, meletakkannya di tempat keempat berbanding kesalahan-kesalahan yang lain.

Jadual 4

Bentuk-bentuk Kesalahan Pada Bacaan Panjang dan Pendek (Mad)

Jenis-jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Memanjangkan dengan kadar yang lebih dari sepatutnya	49	21%
Memanjangkan huruf yang tidak sepatutnya panjang	45	19%
Mad Lazim Kalimi Musaqqal tidak dipanjangkan 6 harakat	29	12%
Tidak menyamakan kadar panjang antara mad-mad	25	11%
Mad Munfasil tidak dipanjang 4 atau 5 harakat	23	10%
Mad Muttasil tidak dipanjang 4 atau 5 harakat	16	7%
Memendekkan huruf yang sepatutnya panjang	14	6%
Mad Lazim Harfi Mukhaffaf tidak dipanjangkan 6 harakat	13	6%
Mad Asli tidak dipanjangkan 2 harakat	5	2%
Mad Silah Kubra tidak dipanjangkan 4 atau 5 harakat	5	2%
Mad Asli Harfi tidak dipanjangkan 2 harakat	4	2%
Mad Lazim Harfi Musaqqal tidak dipanjangkan 6 harakat	4	2%
Mad Badal tidak dipanjang 2 harakat	3	1%
Jumlah kesalahan panjang/pendek yang dilakukan 20 pelajar	235	

Melalui Jadual 4, kesalahan yang keempat kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan sebutan panjang dan pendek (*mad*). Kesalahan *mad* dalam bacaan adalah antara kategori penting yang diabaikan pelajar dalam bacaan. Antara contoh kesalahan panjang dan pendek yang ditemui ialah:

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
أَنْجُونِي	Kesalahan kerana tidak memanjangkan ح dan ج yang mesti dengan kadar 6 harakat.
السَّمْوَاتِ	Kesalahan kerana memanjangkan س و م lebih dari kadar 2 harakat.
الْفَلَيْتِ	Kesalahan kerana tidak memanjangkan ل yang mesti dipanjangkan kadar 2 harakat yang juga disebut sebagai <i>Mad Badal</i> .
كَهْيَعْصَ	Kesalahan kerana tidak menyeragamkan kadar-kadar mad pada 5 huruf yang terdapat pada perkataan ini iaitu ك، ه، ع، ص، ي mesti 6 harakat dan ك، ه mesti 2 harakat.

Bentuk-bentuk Kesalahan Huruf dan Baris dalam Bacaan al-Quran

Kesalahan-kesalahan bacaan pada menunaikan sebutan huruf dan baris yang betul mewakili 8% secara keseluruhan, meletakkannya di tempat kelima berbanding kesalahan-kesalahan yang lain.

Jadual 5

Bentuk-bentuk Kesalahan Huruf dan Baris

Jenis-jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Kesalahan fathah, kasrah, dhommah, sukun dan bersabdu.	43	31%
Kesalahan mengurangkan huruf	42	30%
Kesalahan menambah huruf	34	24%
Kesalahan menukar huruf	20	14%
Jumlah kesalahan huruf dan baris yang dilakukan pelajar	139	

Menurut Jadual 5, kesalahan yang kelima kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan pada menunaikan sebutan huruf dan baris yang betul. Kesalahan huruf dan baris yang betul dalam bacaan adalah kategori paling penting yang diabaikan pelajar dalam bacaan. Ini kerana kesalahan huruf dan baris akan melibatkan struktur perkataan dan makna secara keseluruhan. Antara contoh kesalahan huruf dan baris yang ditemui ialah:-

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
يُنَلِّي أَسْمَهُ	Kesalahan kerana gagal menyambung pertemuan dua sukun dengan baris yang betul iaitu secara: بِغَلَمِينَ اسْمَهُ.
بَازِغَةً	Kesalahan kerana menukar huruf غ kepada ع.

Bentuk-bentuk Kesalahan dalam Berhenti dan Memulakan Bacaan (Waqf/ Ibtida')


Kesalahan-kesalahan dalam berhenti dan memulakan bacaan (*waqf/ ibtida'*) mewakili 3% secara keseluruhan, meletakkannya di tempat keenam berbanding kesalahan-kesalahan yang lain.

Jadual 6

Bentuk-bentuk Kesalahan Dalam Berhenti dan Memulakan Bacaan (Waqf/ ibtida'):

Jenis-jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Berhenti / Mengulang semula dengan menarik nafas.	16	35%
Memulakan pada perkataan yang merosakkan struktur bahasa.	10	22%
Berhenti pada perkataan yang merosakkan struktur tatabahasa.	6	13%
Berhenti pada perkataan yang merosakkan maksud sebenar.	5	11%
Berhenti dengan membariskan huruf akhir.	5	11%
Memulakan pada perkataan yang merosakkan maksud sebenar.	4	9%
Jumlah kesalahan <i>waqaf/ibtida'</i> yang dilakukan 20 pelajar	46	

Melalui Jadual 6, kesalahan yang keenam kerap dilakukan pelajar dalam bacaan adalah kesalahan pada menunaikan tempat berhenti dan memulakan (*waqaf/ibtida'*) dengan betul. Kategori *waqaf/ibtida'* amat berkait rapat dengan kefahaman maksud ayat dalam mencapai kemahiran tentangnya. Antara contoh kesalahan berhenti dan memulakan yang ditemui ialah:

Contoh Ayat	Huraian Kesalahan
	Berhenti pada perkataan: <i>امْرَاتِي</i> . Kemudian meneruskan bacaan dari <i>عَاقِرًا</i> tanpa mengambil perkataan sebelumnya.
	Berhenti dengan memutuskan nafas ditengah perkataan: <i>بِدُغَّا</i> - <i>إِنْ</i> . dan meneruskan bacaan tanpa mengulanginya.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Daripada jumlah kesalahan yang telah dianalisis, jumlah semua kesalahan adalah 1662 yang dapat dikesan. Kesalahan-kesalahan dalam implementasi makhraj dan sifat huruf mewakili 29% kesalahan. Masing-masing 23% pula berlaku dalam dua kategori kesalahan iaitu kesalahan dalam implementasi dengung atau tidak dengung (*ghunnat*), dan implementasi tebal dan tipis (*tafkhim/ tarqiq*) dalam bacaan. Kesalahan dalam bacaan panjang atau pendek pula merupakan 14% kesalahan dalam bacaan. Kesalahan dalam menunaikan baris atau huruf yang betul pula meliputi 8% dari jumlah kesalahan dan akhir sekali berhenti dan memulakan sesuatu ayat (*waqaf/ ibtida'*) mewakili 3% dari kesalahan tajwid yang berlaku dalam bacaan.

IMPLIKASI KAJIAN

Menerusi bentuk-bentuk kesalahan yang telah dihuraikan, kajian ini telah dapat mengenal pasti ciri-ciri bacaan betul yang perlu ditunaikan dalam pembacaan al-Quran. Berikut dicadangkan bentuk-bentuk kriteria bacaan al-Quran yang terus kepada praktikal bacaan bertajwid mengikut keutamaannya:

1. Kriteria huruf dan baris yang betul dalam bacaan.
2. Kriteria panjang dan pendek (*mad*) yang betul dalam bacaan.
3. Kriteria dengung dan menjelaskan (*ghunnat*) yang betul dalam bacaan.
4. Kriteria makhraj dan sifat huruf yang betul dalam bacaan.
5. Kriteria tebal dan tipis (*tafkhim/ tarqiq*) yang betul dalam bacaan.
6. Kriteria berhenti dan memulakan (*waqaf/ ibtida'*) yang betul dalam bacaan.

KESIMPULAN

Menerusi bentuk-bentuk kesalahan yang telah disenaraikan, pembaca al-Quran akan dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan dalam menunaikan bacaan al-Quran secara praktikal bertajwid. Kajian ini diharapkan akan menjadi permulaan dalam menetapkan ciri-ciri bacaan betul dalam pembacaan al-Quran yang mampu dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran.

RUJUKAN

- Ahmad Khalid Shukri, Ahmad Muhammad Muflih al-Quddah, Muhammad Ahmad Abdul Majid Sulaiman, Muhammad Khazir al-Majali, Muhammad 'Isam Muflih al-Quddah, Abdul Rahman Abd. Rabbahu Abu Ghalyun, Ali Muhammad al-Juyusi, . . . Ma'mun Umar al-Shimali. (2008). *Al-Munir fi Al-kam al-Tajwid*. Amman: Al-Markaziyah. Majma' Al-Muhafazah 'ala al-Quran al-Karim.
- Al-Quran dan Terjemahannya. (1412H). Madinah: Komplek Percetakan Al-Quran Al-Malik Fahd, Arab Saudi.
- 'Atiyyah Qabil Nasr Al-Sheikh. (2000). *Ghayat al-Murid fi 'Ilm al-Tajwid*. Jeddah, Saudi Arabia: Maktabah Kunuz al-Ma'rifah.
- Jazari, Muhammad bin Muhammad al-. (2001). *Al-Tamhid fi al-'ilm al-Tajwid*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad 'Isam Muflih al-Qudah. (1995). *Al-Wadhih fi Ahkam al-Tajwid*. Amman, Jordan: Darul an-Nafais.
- New Tilawah Placement Test (TPT) Marking Scheme. (2008, June 27-29). A paper prepared by Surul Shahbudin, and successfully discussed at Tilawah Division workshop held at Kota Tinggi Waterfall Resort, Johor Bharu.
- Panduan Pemarkahan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa, Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke 48. (2006). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Malaysia. (1995). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Saidi Mohd. (2007). *Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Negeri Terengganu*. Tesis Ph.D. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syarat dan Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan: Satu Perubahan Terkini. (2004) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Tilawah Division Exam Scheme for Tilawah Al-Quran I and Tilawah Al-Quran II. (2003, Dec. 28). A paper presented in the Tilawah Division Workshop, by The Head of Tilawah Division, at Orient Star, Lumut, Perak.
- Zainatunakmar Abdul Manap. (2012). *Tahap Penguasaan Kemahiran Tilawah Al-Quran di Kalangan murid-murid Tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong (1)*. Laporan Akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajaran, Open University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zakaria bin Muhammad Al-Ansari Asy-Syafie. (1995). *Daqaiq al-Muhkamah fi Shar al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Damsyik, Syria: Darul Al-Maktabi.